

27 NOV 1999

Mahathir-Permatang Pauh

BN YAKIN MENANG DI PERMATANG PAUH

BUKIT MERTA JAM, 27 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Barisan Nasional (BN) akan mengekalkan kerusi Parlimen Permatang Pauh walaupun presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Datin Seri Wan Azizah Ismail cuba mendapatkan simpati terhadap nasib suaminya.

Perdana menteri berkata beliau memahami bahawa rakyat sedih dan bersimpati dengan Wan Azizah tetapi beliau tidak fikir Keadilan kuat di kawasan itu.

"Ini adalah satu rayuan kepada emosi. Wan Azizah ke hulu ke hilir dengan anak perempuannya, menangis dan memberitahu rakyat bahawa beliau kini tidak bersuami, anak-anaknya tidak berbapa... ini merupakan rayuan kepada emosi," katanya pada sidang berita selepas merasmikan Politeknik Seberang Prai, yang terletak dalam kawasan parlimen Permatang Pauh.

"Saya boleh faham rakyat berasa kasihan. Mereka tidak berapa setuju dengan (cara) itu tetapi mereka merasa kasihan apabila seorang kanak-kanak datang dan menangis kepada mereka," katanya.

Perebutan kerusi Permatang Pauh adalah satu lawan satu antara Wan Azizah, isteri bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, dan calon BN Datuk Dr Ibrahim Saad, yang juga Timbalan Menteri Kewangan.

Anwar kini menjalani hukuman penjara enam tahun atas kesalahan rasuah menyalahgunakan kuasa.

Perdana Menteri berkata mulanya beliau sangka Anwar adalah seorang yang warak, boleh menjadi imam dan boleh berkhotbah.

"Tetapi sebaliknya terdapat bukti yang saya tidak boleh tolak. Ketika itu, saya terpaksa buat keputusan sama ada mengutamakan kawan atau mengutamakan kepentingan negara.

"Kalau orang yang macam ini menjadi Perdana Menteri akan rosak kerajaan kerana dia nampak dengan senang hati menyalahgunakan kuasa," katanya.

Dr Mahathir berkata perbicaraan Anwar adalah sesuatu yang "luar biasa" dengan sembilan peguam mewakili Anwar dan prosidingnya berlangsung selama tujuh bulan, dengan para diplomat dan media asing hadir mengikuti perbicaraan itu tetapi pembangkang masih lagi mendakwa ia tidak adil.

"Mereka kata mahukan keadilan. Cuba jelaskan ketidakadilan apa yang telah dilakukan," katanya.

Dr Mahathir berkata Anwar diberi layanan istimewa untuk menghadiri pengebumian jenazah abangnya baru-baru ini tetapi perkara itu telah dipolitikkan oleh pembangkang.

"Kami tahu beliau akan mempolitikkan perkara ini. Jika beliau tidak dibenarkan pergi (ke pengebumian itu), maka satu lagi surat akan dihantar keluar dari penjara yang menyatakan tentang kekejaman kerajaan," katanya.

Ditanya mengenai iklan pilihan raya dalam media sebagai sokongan kepada BN, Perdana Menteri berkata majoriti pengundi senyap yang mahu diri mereka diperdengarkan telah tampil memberi sokongan kepada BN.

Mengenai gambar-gambar rusuhan jalanan dan tindakan ganas oleh para penunjuk perasaan seperti yang disiarkan di dalam iklan itu, yang mendapat bantahan parti-parti pembangkang, Dr Mahathir berkata: "Terpulanglah kepada para pengundi sama ada mereka harus memilih BN atau tidak tetapi kebenaran perlu diberitahu."

"Saya rasa ia tidak menakutkan sesiapa. Mereka menunjukkan gambar yang sama disiarkan oleh CNN, CNBC, BBC, yang diulang-ulangkan selama 24 jam, yang menunjukkan rusuhan di Kuala Lumpur. Akibat penyiaran gambar-gambar itu, para pelancong dan pelabur tidak datang.

"Kini, kita melihat gambar yang sama. Sebelum ini mereka gembira menunjukkan gambar itu di seluruh dunia. Bukan kami, tetapi seseorang yang menyiarkan iklan itu menunjukkan gambar yang sama. Mengapa mereka membantah?"

Mengenai kenyataan pensyarah ekonomi Universiti Malaya (UM), Prof Jomo K.Sundram bahawa Presiden Parti Rakyat Malaysia Dr Syed Husin Ali layak menjadi Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata semua orang layak memegang jawatan itu asalkan mendapat sokongan majoriti.

"Tidak ada sekatan istimewa terhadap sesiapa pun daripada menjadi perdana menteri. Siapa nak jadi perdana menteri dia boleh jadilah, tetapi kena dapat majoriti. Syed Husin Ali tidak pernah menang sekali pun," kata beliau.

Ditanya mengenai Ketua Pemuda Keadilan Mohamed Ezam Mohd Nor yang belum mendedahkan dokumen rahsia yang didakwa melibatkan penyelewengan pemimpin BN, Perdana Menteri berkata apa yang Mohd Ezam dedahkan adalah palsu.

Dr Mahathir memberi contoh pendedahan surat yang kononnya ditulis oleh beliau kepada Perdana Menteri Israel dan juga kepada Tun Daim Zainuddin meminta Menteri Kewangan Pertama itu memaksa bekas penolong Gabenor Bank Negara Datuk Murad Khalid membuat pendedahan mengenai penyelewengan Anwar.

Perdana Menteri juga berkata DAP menggunakan taktik "psikologi songsang" untuk memenangi pilihan raya ini.

"(Setiausaha Agung DAP Lim) Kit Siang akan kata `saya akan kalah, saya akan kalah'. Ini akan mewujudkan perasaan simpati terhadapnya dan rakyat akan mengundinya," kata Dr Mahathir.

Katanya pembangkang tidak mempunyai isu untuk mendapat sokongan rakyat sebaliknya cuba menimbulkan perasaan benci kepada beliau, keluarganya dan juga anak beliau.

"Kononnya anak saya jadi orang kaya, dapat gaji 950,000 ringgit. Semua ini fitnah, untuk bakar hati orang supaya orang supaya tidak undi BN. Tunjuk sesuatu yang positif yang biasa dibuat oleh parti lawan, termasuk (pengerusi DAP Pulau Pinang) Karpal Singh dan Kit Siang dalam Dewan Rakyat,"

"Apakah sumbangan mereka dalam Parlimen? Tiada apa!" kata beliau.

-- BERNAMA

MOK NAK